



LATAR BELAKANG

PENERBITAN “SUMMARY OF MALAYSIAN NATIONAL CANCER REGISTRY REPORT 2012-2016”

Pada hujung tahun 2019, Institut Kanser Negara (IKN) telah menerbitkan laporan 5-tahun kedua, “Malaysia National Cancer Registry Report (MNCRR) 2012-2016”. Secara umumnya, laporan MNCRR 2012-2016 menunjukkan terdapat peningkatan beban kanser dalam kalangan penduduk Malaysia sebanyak 11.3% dari 103,507 kes bagi tempoh 2007-2011 kepada 115,238 kes bagi tempoh 2012-2016.

Laporan ini juga menunjukkan peningkatan kadar insiden dalam kalangan populasi perempuan iaitu dari 99.3 ke 101.6 bagi setiap 100,000 populasi, sementara sedikit penurunan kadar insiden dalam kalangan populasi lelaki dari 86.9 kepada 86.1 bagi setiap 100,000 populasi. Satu lagi penemuan penting adalah pengesahan lewat kes kanser pada tahap 3 dan 4 meningkat dari 58.7% pada tahun 2007-2011 kepada 63.7% pada tahun 2012-2016.

Penerbitan “Summary of Malaysia National Cancer Registry Report 2012-2016” dalam bentuk buku kecil merupakan satu lagi usaha oleh Jabatan Registri Kanser Kebangsaan, IKN untuk menyampaikan fakta utama mengenai kanser di Malaysia dengan cara yang mudah digunakan. Buku kecil ini mengandungi trend insiden dan beban kanser di Malaysia bagi tempoh 10 tahun dari tahun 2007 hingga 2016 dalam bentuk infografik yang mesra pembaca.

Kami berharap dengan penerbitan ini, maklumat asas tentang kanser di Malaysia dapat dikongsi dan disebarluaskan dengan berkesan. Penerbitan ini juga dapat berfungsi sebagai rujukan segera kepada semua profesional dan pihak berkepentingan, di sektor kerajaan mahupun swasta dalam merancang strategi yang lebih berfokus untuk menangani secara efektif beban penyakit kanser di Malaysia.

PENGARAH

INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA

OKTOBER 2020